

## **Perkasakan sistem bantu generasi 'sandwic' B20**

MUNGKIN ramai antara kita tidak begitu biasa dengan istilah 'generasi sandwic'.

Namun, ramai lebih faham jika istilah ini diterangkan sebagai golongan yang memikul tanggungjawab untuk memenuhi keperluan ibu bapa yang sudah tua dan anak tanggungan sendiri.

Golongan ini diibaratkan seperti sandwic disebabkan fungsi yang perlu menanggung golongan atas, iaitu ibu bapa dan golongan bawah iaitu anak tanggungan.

Dengan keadaan ekonomi agak lembap impak pandemik COVID-19, tanggungjawab generasi ini, terutama dari segi kewangan menjadi sangat mencabar.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Negara dalam Malaysia Economic Statistic Review bagi 2020, sebanyak 55.3 peratus ketua isi rumah daripada kumpulan B20, iaitu golongan berpendapatan rendah dengan purata pendapatan bulanan RM1,196 adalah mereka yang berusia lingkungan 35 hingga 64 tahun.

Perkara ini amat membimbangkan kerana dengan jumlah pendapatan bulanan ini, mereka hanya mampu menyediakan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian, sedangkan lingkungan usia ini sebenarnya mewakili generasi sandwic yang perlu memikul tanggungjawab besar terhadap keluarga.

Disebabkan kekangan sumber kewangan, kelompok generasi sandwic bertindak lebih mengutamakan anak tanggungan, berbanding ibu bapa dalam memberikan sumber kewangan.

Kesannya, ibu bapa tua yang memerlukan sokongan kewangan akan menderita dari segi kewangan, menyebabkan kemiskinan.

Keadaan ini menunjukkan isyarat negatif kepada Malaysia kerana negara sedang bergerak ke arah status negara tua pada 2030. Dijangkakan 15 peratus penduduk Malaysia adalah golongan penduduk 60 tahun ke atas pada 2030.

Walaupun kerajaan memberikan bantuan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), ia tidak mencukupi.

Kajian Bank Dunia pada Jun 2020 bertajuk Surviving the Storm Malaysia Economic Monitor menunjukkan bantuan ini hanya meliputi 26.4 peratus warga tua daripada B20.

Selain itu, skim keselamatan sosial Malaysia seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang berperanan sebagai simpanan hari tua juga didapati kurang membantu dalam mengurangkan kadar kemiskinan golongan ini.

Laporan Bank Dunia 2020 mendedahkan kebanyakan pesara akan mendapat faedah rendah daripada akaun KWSP selepas bersara.

Lebih kurang 75 peratus pesara di Malaysia menerima pendapatan bulanan kira-kira RM1,050 dan lebih daripada 40 peratus lagi menerima RM420 sebulan daripada akaun KWSP mereka. Jumlah pendapatan bulanan ini menyebabkan ramai warga tua jatuh di bawah garis kemiskinan.

Sebagai alternatif untuk skim keselamatan sosial disediakan kerajaan, Skim Persaraan Swasta (PRS) ditawarkan beberapa institusi kewangan boleh digunakan untuk rancangan simpanan persaraan. Namun, kekangan kewangan dihadapi golongan berpendapatan rendah membatasi mereka untuk terbabit skim berkenaan.

Oleh itu, ramai ibu bapa tua sebenarnya amat mengharapkan bantuan kewangan daripada anak mereka disebabkan kudrat yang sudah tidak mampu untuk bekerja bagi menyara diri.

Laporan Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030 oleh JKM menunjukkan warga tua berusia antara 60 hingga 69 memperoleh pendapatan 97.1 peratus daripada sumbangan pelbagai sumber, termasuk kerajaan dan keluarga.

Ini menunjukkan tanpa sokongan kewangan sosial termasuk generasi sandwic, ibu bapa yang sudah tua menghadapi kemungkinan sangat tinggi untuk menderita masalah kewangan.

Mungkin sudah tiba masa pelbagai pihak seperti kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil ke hadapan memperkasakan sistem sedia ada untuk membantu warga tua di bawah paras kemiskinan dan generasi sandwic berpendapatan rendah yang menghadapi kesukaran menjalankan tanggungjawab kewangan terhadap ibu bapa yang memerlukan.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/04/812242/perkasakan-sistem-bantu-generasi-sandwic-b20>